KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JMG			

Harian Metro | Rabu 22.12.2021 @hmetromy

9

122 cerun amat kritikal

JMG rancang pasang sistem amaran awal di kawasan berisiko tanah runtuh

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kuala Muda

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mengenal pasti 122 cerun daripada 220 cerun kritikal di seluruh negara yang berisiko runtuh ketika musim tengkujuh.

Ketua Pengarahnya, Hisamuddin Termidi berkata, cerun ini dipantau pihaknya dan diberi keutamaan untuk pemasangan sistem amaran awal yang turut dilengkapi siren supaya penduduk dapat mengambil tindakan menyelamatkan diri.

"Antara kawasan paling berisiko adalah Jalan Genting Peres - Kuala Klawang, Jalan Sungai Tekali, Ulu Langat dan Sungai Penchala.

"Sungai Penchala paling teruk seperti berlaku baru-baru ini menyebabkan tanah runtuh dan kemusnahan," katanya selepas Majlis Perasmian dan Penyerahan Telaga dan Sistem Penapisan Air Bawah Tanah Ringkas (SPATR) di Loji Rawatan Air (LRA) Tupah, Merbok di sini, semalam.

Pada majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air serta Tenaga negeri, Datuk Suraya Yaacob menyaksikan penyerahan dokumen projek SPATR daripada Pengarah JMG Kedah, Abdullah Sulaiman kepada Pengarah Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK), Noorulhuda Mohammed Ali.

Hisamuddin berkata, sehingga kini, pihaknya bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk menempatkan sistem amaran awal.

Difahamkan, UTM mendapat teknologi dan peralatan dari Jepun bagi tujuan itu.

"Kami tunggu masa sesuai, apabila kami dapat persetujuan UTM kami buat rundingan untuk tempatkan sistem amaran awal ini di kawasan dipersetujui bersama," katanya.

Kelmarin, media melaporkan empat rumah rosak dan seorang wanita warga emas cedera selepas tanah runtuh di Jalan Palimbayan Indah, Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur pada jam 1.22 pagi.



KEADAAN Lubuk Tupah yang ditutup kepada orang ramai selepas fenomena kepala air, Ogos lalu.